

Family Variables and Self Concept Variables (Part 22)

Siti Sarawati Binti Johar

6.0 ISU, TINJAUAN DAN CABARAN MASA KINI DALAM PERSPEKTIF TIMUR

Isu peranan penting ibu bapa dan keluarga dalam proses mendidik anak sekaligus menjadi pembolehubah utama membentuk konsep kendiri anak bukanlah lagi menjadi isu yang terasing dalam apa juga sesi perbincangan sama ada berbentuk ilmiah mahupun tidak. Kita cuba memfokuskan realiti itu pada masyarakat timur amnya, dan bangsa Melayu khususnya sebagai suatu kenyataan tentang dominasi pendapat masyarakat terhadap peranan ibu bapa dan perkaitannya dengan pelbagai isu remaja masa kini seperti masalah sosial, kecelaruan gender dan kecelaruan identiti. Penganalisis barat mengesan bahawa wujud andaian asas yang dipegang oleh kebanyakan ibu bapa Melayu iaitu *semua tingkah laku yang negatif dan anti sosial kanak-kanak akan hilang dengan sendirinya apabila mereka membesar tanpa perlu diasuh dan diarahkan oleh ibu bapa. Ibu bapa hanya perlu menjaga keselamatan dan memberikan segala keperluan contohnya kasih sayang kepada anak-anak.*

Menurut R.Firth, ‘*Mengikut beberapa ukuran kita (di barat), didapati bahawa kanak-kanak Melayu agak dimanjakan oleh ibu bapa mereka, pandangan umumnya apabila kanak-kanak dewasa, mereka akan menyedari secara automatik bahawa mereka mesti menerima tanggungjawab dan tugas masyarakat seperti orang lain*’. Umumnya tanggapan yang dipegang oleh ibu bapa ialah ‘anak-anak akan memahami apabila mereka dewasa kelak’. Diandaikan bahawa kanak-kanak akan hilang kemanjaannya apabila mereka sudah dewasa, kerana proses kematangan akan berlaku secara semulajadi. Pandangan inilah mungkin menyebabkan keluarga Melayu dilihat kurang menitikberatkan soal melatih anak dalam soal membuang air kecil dan air besar secara berdisiplin, teratur dan lebih berdikari. Menurut Djamour, kanak-kanak yang berusia 4 – 5 tahun yang masih membiasahkan tempat tidur mereka, jarang sekali didera.

Penganalisis barat membuat tafsiran bahawa situasi begini wujud dalam lingkungan masyarakat timur, khususnya orang Melayu. Walaupun ibu bapa tidak berasa senang jika anak mereka agak lambat mencapai kebolehan ini, mereka berusaha menggunakan pujuk serta denda yang ringan sahaja. Jika didapati masih tidak berkesan, ibu bapa menerima sahaja keadaan ini sebagai hakikat. Menurut pemerhatian Laderman, oleh sebab keadaan rumah orang Melayu di luar Bandar bertiang serta terdapat jarak antara papan lantai, najis besar dan kecil anak dapat dibersihkan dengan mudah dengan hanya mencurahkan air. Di kampung pula, kanak-kanak tidur di atas tikar yang senang kering apabila dijemur. Hal ini menyebabkan ibu bapa Melayu kurang menggunakan deraan tentang aspek ini. Para pengkaji barat turut memberikan beberapa contoh

lain yang menunjukkan kebebasan yang diberi kepada kanak-kanak Melayu seperti kebebasan bermain di luar rumah tanpa kawalan; anak-anak didukung selagi ibu bapa mampu mendukungnya. Ibu bapa tidak suka memaksa anaknya melakukan sesuatu yang tidak disukainya seperti enggan ke sekolah atau memakan makanan dan ubat; ibu bapa tidak dapat berbuat apa-apa apabila anak menangis.

CONTINUE...